



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	INSENTIF PEMBAJAKAN DINAikkan DAN INSENTIF PENUAIAN DIPERKENALKAN KEPADA PESAWAH, MKN -ONLINE KERAJAAN AKAN MENGAJI ADAPTASI TEKNOLOGI DAGING KULTUR DAN MAKANAN BERASASKAN SEL, AMANZ -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	PERKASA RUMAH SEMBELIHAN, NASIONAL, SH -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6.	KARNIVAL AGRO MADANI@PASAR TANI KEKAL BANTU RAKYAT TANGANI KOS SARA HIDUP, BERITA RTM -ONLINE KARNIVAL AGRO MADANI DI PANTAI TIMUR SASAR JUALAN RM1.2 JUTA, DALAM NEGERI, UM -34 AGRO MADANI SEMPENA AIDILADHA, KOSMO, NEGARA -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8.	LEBIH 3,000 PESAWAH ENGGAN TURUN BENDANG, LOKAL, HM -16 3,000 PESAWAH ENGGAN TANAM PADI MUSIM BAHARU, NASIONAL, BH -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
9.	MADA MOHON LAKSANA PEMBENIHAN AWAN, NASIONAL, BH -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	PERMIT KELIRU, 26 TAN SERBUK DADIH BELANDA DIRAMPAS, KOSMO, NEGARA -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13.	MOSTI HASIL DUA LAGI VARIETI PADI BAHARU AKHIR 2026, NASIONAL, BH -17 ALASAN SELARAS SUBSIDI NAIK HARGA AYAM, DALAM NEGERI, UM -32 JUALAN HARUMANIS JANA PENDAPATAN PONDOK YIK, BACHOK, SH -24	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA	ONLINE	

INSENTIF PEMBAJAKAN DINAIKKAN DAN INSENTIF PENUAIAN DIPERKENALKAN KEPADA PESAWAH

INSENTIF PESAWAH

PEMBAJAKAN
kenaikan kadar
RM100 per hektar per musim
↓
kepada
RM160 per hektar per musim

PENUAIAN
insentif baharu
RM50 per hektar per musim

130 ribu pesawah akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak
RM210 per hektar per musim

@kpkmmalaysia MALAYSIA MADANI www.kpkmm.gov.my

Kadar insentif pembajakan telah dinaikkan dan insentif penuaian telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 27 Mei 2024.

Melalui kedua-dua insentif ini, pesawah akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 per hektar per musim.

Sumber : Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

#MalaysiaMADANI



SURAH MEDIA

INSENTIF PEMBAJAKAN DINAIKKAN DAN INSENTIF PENUAIAN DIPERKENALKAN KEPADA PESAWAH

PUTRAJAYA, 11 JUN 2024 – Kadar insentif pembajakan telah dinaikkan dan insentif penuaian telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 27 Mei 2024. Melalui kedua-dua insentif ini, pesawah akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 per hektar per musim.

KPKM telah mengambil langkah menambah baik kadar sedia ada bagi insentif pembajakan iaitu daripada RM100 per hektar per musim kepada RM160 per hektar per musim. KPKM juga telah memperkenalkan insentif baru iaitu insentif penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim. Melalui kenaikan kadar ini, hampir 130,000 orang pesawah di Semenanjung Malaysia akan menerima bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim.

Pada 27 Mei 2024 lalu, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengumumkan pelaksanaan Program Bantuan Tani MADANI 39.01 MADANI termasuklah kategori 02.01 Agri-Konsep kepada petani, penternak dan pengusaha agrikultur yang berkecualan. Melalui KPKM pula melalui kadar madani pada bilik yang telah telah membolehkan bahawa subsidi diesel kepada nelayan diwujudkan dan mengumumkan bahawa kadar insentif pembajakan serta pengurangan insentif bias pesawah kepada pesawah.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
11 JUN 2024

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	AMANZ	ONLINE	

Kerajaan Akan Mengkaji Adaptasi Teknologi Daging Kultur Dan Makanan Berasaskan Sel



Keterjaminan makanan ataupun *food security* adalah sebuah topik yang cukup penting untuk kemaslahatan sesebuah negara kerana simpanan makanan untuk rakyat diperlukan sekiranya insiden kebuluran berlaku untuk pelbagai sebab.

Hari ini, Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara

yang pertama bersama-sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negara, Mohamad Sabu.

Selain daripada isu keterjaminan makanan negara, beberapa topik lain yang dibincangkan juga ialah tentang kajian untuk pengadaptasian teknologi dan penerokaan potensi makanan masa hadapan seperti daging kultur, **hasil daging kultur** dan *cell-based food*. Ini termasuklah penyelidikan berkaitan makanan protein yang dibangunkan didalam makmal, seperti apa yang sudahpun mula dibangunkan di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat dan Singapura.

Bagi anda yang mungkin baru mendengar tentang makanan berasaskan sel, secara ringkasnya ia merupakan "daging" yang dibangunkan menggunakan sel-sel haiwan didalam makmal. Daripada menggunakan tumbuhan sebagai "pengganti" protein daging, ia masih lagi dilihat sebagai "daging tulen" yang mengurangkan keperluan untuk menyembelih haiwan untuk tujuan makanan.

Selain daripada itu, kerajaan juga berniat untuk memodenkan sektor pertanian negara melalui pembangunan kilang tanaman akan menyokong pertumbuhan industri teknologi pertanian bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang lestari sebagai alternatif kepada pengeluaran tanaman semasa.

Kesemua idea-idea untuk memajukan teknologi makanan ini adalah bertujuan untuk memastikan kesiap-siagaan negara dalam melestarikan bekalan makanan negara supaya kita tidak menghadapi masalah kekurangan makanan bila-biila sahaja isu kebuluran makanan berlaku.

Ia dijangka bahawa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negara akan memperkenalkan sejumlah program untuk memulakan proses keterjaminan makanan di seluruh peringkat.

Perkasa rumah sembelihan

Patuhi SOP, amal konsep
'halalan toyyiban'

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Proses penyembelihan merupakan aktiviti yang berkait rapat dengan pengendalian haiwan ternakan untuk mendapatkan makanan berupa daging sama ada untuk tujuan persendirian, komersial atau ritual keagamaan.

Kaedah tersebut merupakan satu proses bagi mematikan haiwan dengan memotong dua urat utama pada leher atau halsu dan merah menggunakan pisau yang tajam.

Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr Mohammad Razli Abdul Razak menjelaskan, proses berkenaan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya bagi memastikan bahagian haiwan sembelihan dijamin bersih, berkualiti dan selamat untuk dimakan.

"Pematuhan terhadap peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) penyembelihan juga penting supaya tidak memberi kesan kepada alam sekeliling.

"Tatacara mendapatkan daging yang baik, sihat dan berkualiti adalah dengan penyembelihan seperti disyaratkan dalam hukum syarak untuk memastikan daging itu halal, lagi baik.

"Dalam veterinar, penyediaan haiwan yang mahu disembelih pula perlu menjalani beberapa siri

pemeriksaan bagi memastikan binatang itu tidak diancam dengan penyakit dan sebagainya," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Pengesahan

Dalam pada itu, Mohammad Razli menjelaskan, DVS akan mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) sebagai pengesahan terhadap tahap kesihatan haiwan ruminan terlibat sebelum disembelih.

Sijil tersebut katanya, perlu disahkan oleh pegawai veterinar sebelum kelulusan untuk sembelihan, sekali gus memastikan daging yang bakal diperolehi bebas dari sebarang perkara memudaratkan.

"Ternakan yang akan disembelih juga perlu disahkan sihat dan bebas daripada sebarang unsur kimia melalui pemeriksaan kesihatan fizikal atau rekod kesihatan.

"Sebelum disembelih, ternakan perlu menjalani proses 'ante-mortem' dan setelah disembelih, karkasnya perlu melepasi proses pemeriksaan daging sebelum dibenar untuk dijadikan

makanan," katanya.

Rumah penyembelihan

Dalam pada itu Mohammad Razli memaklumkan, setakat ini terdapat sebanyak 27 rumah penyembelihan ruminan dan tiga rumah penyembelihan babi di bawah DVS di seluruh negara.

Selain itu katanya, rumah penyembelihan swasta yang dlesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993 pula adalah sebanyak 54 buah, melibatkan 43 bagi ternakan ruminan dan 11 rumah sembelihan babi.



Terdapat garis panduan yang perlu dipatuhi berkaitan pengendalian serta penyembelihan ternakan korban.

“Tatacara mendapatkan daging yang baik, sihat dan berkualiti adalah dengan penyembelihan seperti disyaratkan dalam hukum syarak untuk memastikan daging itu halal, lagi baik.”

- Mohammad Razli

"Rumah penyembelihan swasta perlu memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum boleh mendapatkan lesen, terutamanya kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebab kita mahu elak premis itu didirikan di atas tanah 'haram'.

"Setelah mendapat kelulusan pihak-pihak berkenaan, barulah mereka boleh membuat permohonan kepada DVS melibatkan pemberitahuan mengenai spesies haiwan yang hendak disembelih dan sebagainya," jelas beliau.

Tambahnya, terdapat empat kategori rumah penyembelihan mengikut jenis-jenis sistem yang digunakan iaitu automatik, separa automatik, separa manual dan manual.

Dari sudut perundangan, Mohammad Razli memberitahu, terdapat dua perundangan yang terpakai ke atas rumah penyembelihan persendirian dan di luar premis iaitu Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 serta Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993 bagi pelesenan rumah penyembelihan ruminan dan babi.

Justeru beliau menegaskan, rumah penyembelihan yang menjalankan operasi tanpa lesen dan penyembelihan di luar premis tanpa permit sembelih luar boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM10,000 jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan berterusan katanya, rumah penyembelihan boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM500 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada

sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

"SOP yang ditekankan bagi penyembelihan dalam negara perlu mematuhi Amalan Perkilangan Baik (GMP) bagi semua rumah penyembelihan jabatan dan swasta.

"Bagi tujuan eksport atau antarabangsa, perlu mencapai tahap persijilan *Veterinary Health Mark* serta syarat-syarat lain yang dikemukakan oleh negara-negara pengimport," tegasnya.

Sembelihan korban

Dalam pada itu, menjelang sambutan Aidiladha tidak lama lagi, Mohammad Razli memaklumkan pihaknya telah menerima banyak permohonan permit penyembelihan untuk dilakukan di premis seperti masjid, surau, balai raya dan sebagainya.

Bagaimanapun, terdapat beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi berkaitan dengan pengendalian serta penyembelihan ternakan korban.

"Penyembelihan luar bagi tujuan sembelihan korban hanya dibenarkan pada tarikh 10, 11, 12 dan 13 Zulhijah dan perlu mengikut hukum penyembelihan serta syariat ditetapkan dalam agama Islam.

"Garis panduan ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap risiko jangkitan penyakit selain menggalakkan penyembelihan di premis berlesen bagi memastikan daging korban bersih dan selamat untuk dimakan," ujarnya.



SOP penyembelihan ditetapkan supaya daging ternakan terjamin dari segi kebersihan, berkualiti dan selamat untuk pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Karnival Agro MADANI@Pasar Tani Kekal bantu rakyat tangani kos sara hidup



"Dan kita bawa kluster industri makanan asas tani dan bawa usahawan yang menjual produk berasaskan buah-buahan dan komponen empayar makanan makanan ini adalah produk popular yang kita bawa di Terengganu malah usahawan yang datang dari negeri Kedah," kata Halimah.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan karnival di PTK Chukai Kemaman yang akan dianjurkan bermula hari ini hingga 15 Jun ini.

Dalam pada itu FAMA menyasarkan nilai jualan sebanyak RM500,000 dengan sasaran 50,000 pengunjung di Kemaman kali ini.

Karnival tersebut melibatkan empat kluster iaitu kluster makanan popular, kluster segar, kluster industri asas tani dan kluster florikultur.

Antara aktiviti menarik yang terdapat di karnival itu ialah pertandingan mewarna, klinik penghasilan kopi, pertandingan memancing ikan, pertandingan memasak berasaskan tempe dan kelapa, persembahan dikir barat, pertandingan 'Best Of The Best' makanan popular negeri, pertandingan cilik pakaian berasaskan sayuran dan buah dan lain-lain lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Karnival Agro Madani di Pantai Timur sasar jualan RM1.2 juta

KEMAMAN: Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) menasarkkan jualan RM1.2 juta di tiga lokasi Karnival Agro Madani di Pantai Timur selama tiga hari bermula kelmarin sempena Hari Raya Aidiladha.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi Ismail berkata, tiga lokasi penganjuran karnival itu adalah Pasar Tani Kekal (PTK) Chukai di sini, PTK Chini, Pahang dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Menururnya, karnival tersebut bertujuan membantu pengguna setempat mendapatkan barangan keperluan bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha.

"Pengguna boleh mendapatkan barangan keperluan dan produk asas tani pada harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Agro Madani di Pasar Tani Kekal Chukai, di sini, semalam.

Beliau memberitahu, Karnival Agro Madani itu menawarkan sebanyak 4.5 metrik tan ikan yang dijual pada harga lelong seperti siakap (RM5 seekor), kerapu (RM6 seekor), merah (RM10 seekor) dan sotong (RM15 sekilogram).

Tambahnya, pengguna juga boleh mendapatkan ayam segar pada harga RM15 seekor dan daging lembu (RM29 sekilogram).

"Karnival Agro Madani peringkat Pantai Timur ini kesinambungan daripada penganjuran sulung yang telah diadakan di PTK Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 30 Mei hingga 2 Jun lalu.

"Selepas ini, program akan menjelajah lagi dua lokasi iaitu PTK Datin Halimah, Johor Bahru dan PTK Changlun, Kedah secara berperingkat sehingga 27 Julai depan," katanya.

FAMA anjur karnival jualan di tiga negeri Pantai Timur dengan harga lebih murah

Agro Madani sempena Aidiladha

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KEMAMAN — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Karnival Agro Madani di tiga lokasi Pantai Timur bagi membantu pengguna setempat membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha pada Isnin ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi Ismail berkata, karnival selama tiga hari bermula semalam itu diadakan di Pasar Tani Kekal (PTK) Chukai di sini, PTK Chini, Pahang dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Beliau berkata, karnival tersebut di setiap lokasi berkenaan mengumpulkan usahawan FAMA, peserta ladang kontrak, usahawan asas tani dan pengusaha makanan popular seluruh negara.

"Pengguna boleh mendapatkan barangan keperluan dan produk asas tani pada harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran."

"Kita menasaskan Karnival Agro Madani di tiga negeri Pantai Timur ini mampu menjaga



FAISAL (kanan) melawat gerai pengusaha sata selepas merasmikan program Karnival Agro Madani peringkat Terengganu di PTK Chukai, Kemaman semalam.

jualan keseluruhan sekurang-kurangnya RM1.2 juta," katanya

selepas merasmikan Karnival Agro Madani di Pasar Tani Kekal

Chukai di sini semalam. Faisal Iswardi berkata, Kar-

nival Agro Madani peringkat Terengganu menawarkan 4.5 metrik tan ikan yang dijual pada harga lelong seperti siakap (RM5 seekor), kerapu (RM6 seekor), merah (RM10 seekor) dan sotong (RM15 seekor).

Tambah beliau, pengguna juga boleh mendapatkan ayam segar pada harga RM15 seekor dan daging lembu (RM29 seekor).

"Karnival Agro Madani peringkat Pantai Timur ini kesinambungan daripada penganjuran sulung yang telah diadakan di PTK Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 30 Mei hingga 2 Jun lalu.

"Selepas ini, program ini akan menjelajah lagi dua lokasi iaitu PTK Datin Halimah, Johor Bahru dan PTK Changlun, Kedah secara berperingkat sehingga 27 Julai depan," katanya.

Faisal Iswardi berkata, FAMA menasaskan penganjuran Karnival Agro Madani di enam lokasi seluruh negara berkenaan mampu menjaga nilai jualan keseluruhan RM2 juta.

Tambah beliau, pelbagai makanan basah, kering dan makanan lain dijual di karnival ini dan orang ramai jangan ketinggalan.



ANGGOTA Maqis melakukan pemeriksaan pada guni serbuk tersebut di Pelabuhan Barat, Klang baru-baru ini.

Permit keliru, 26 tan serbuk dadih Belanda dirampas

KLANG — Tindakan sebuah syarikat berasaskan makanan membawa masuk produk tenusu whey powder atau serbuk dadih dengan dokumen mengelirukan membawa padah apabila produk itu ditahan di Pelabuhan Barat di sini, baru-baru ini.

Produk daripada Belanda dengan berat mencecah 26 tan dianggarkan bernilai RM140,036 ditahan kira-kira 3 petang oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Pengarah Maqis Selangor, Mohd.Sobri Md. Hashim berkata, pengesanan produk itu hasil pemeriksaan fizikal di salah sebuah gudang

di pelabuhan tersebut.

Katanya, semakan mendapati ini merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat yang beroperasi di Lembah Klang tersebut.

"Pihak pengimport itu mendapati mengemukakan maklumat yang mengelirukan iaitu maklumat nombor loji dalam permit import tidak sama dengan kotak pada dagangan."

"Kes disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan-Malaysia 2011 yang memperuntukkan penjarra sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya," katanya semalam.



TENGGU SARAFUDIN (kanan) berkenan meninjau pameran di Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar TPS Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear di Muzium Padi di Alor Setar semalam.

Menerusi projek Dana Penyelidikan Strategik

Mosti hasilkan dua varieti padi baharu

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menerusi projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) akan menghasilkan dua lagi varieti padi baharu negara pada penghujung 2026 dengan menggunakan titisan padi termaju.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Ts. Dr. Aminuddin Hassim berkata, usaha tersebut mampu meningkatkan nisbah kecukupan sendiri Malaysia di samping secara signifikan meningkatkan taraf kehidupan pesawah, selaras dasar sekuriti makanan negara.

"Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta universiti terkemuka negara iaitu UPM (Universiti Putra Malaysia), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UiTM (Universiti Teknolo-

gi Mara) dan Agensi Nuklear Malaysia secara aktif terlibat dalam kajian pembangunan varieti padi baharu yang tahan kepada perubahan cuaca tidak menentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar Technology Preview and Showcase (TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear yang disempurnakan oleh Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin di Muzium Padi, di sini semalam.

Aminuddin berkata, kementerian pada tahun ini memberi fokus kepada beberapa bidang keutamaan termasuk pembangunan teknologi hidrogen, pengembangan bakat AI (kecerdasan buatan), pembangunan sektor bioteknologi, pemupukan ekosistem perniagaan baharu

melalui inisiatif tetingkap tunggal dan penerokaan teknologi angkasa lepas.

"Dalam bidang berkaitan bioteknologi khususnya dalam teknologi makanan dan perubatan jitu, kementerian berazam dalam memenuhi permintaan keterjaminan makanan negara melalui penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan," ujarnya.

Jelasnya, program Promosi Bersasar Technology Preview and Showcase (TPS) juga diharapkan dapat meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi nuklear dalam sektor-sektor berpotensi.

"Melalui program ini, hasil penyelidikan dan pembangunan daripada para penyelidik Nuklear Malaysia dapat diketengahkan merentasi pelbagai bidang seperti aplikasi teknologi nuklear dalam sektor agro pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16

TERJEJAS TERUK DALAM TIGA MUSIM

Lebih 3,000 pesawah enggan turun bendang

Kota Bharu: Lebih 3,000 pesawah di Kelantan tidak mahu menanam padi pada musim baru yang bermula bulan ini, berikutan mengalami kerugian teruk dalam tempoh tiga musim berturut-turut.

Mereka menegaskan, pesawah kini dalam keadaan tersepit termasuk terbeban dengan hutang yang tidak dapat dibayar menyebabkan mereka tidak mahu mengambil risiko.

Mereka mendakwa, selagi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) tidak mampu menyelesaikan masalah air, mereka sanggup hilang pendapatan buat sementara waktu.

Pengerusi Persatuan Pe-

sawah-Pesawah Kelantan, Zuha Ismail, 51, berkata, penanaman musim baharu sepatutnya bermula 1 Jun lalu, namun lebih 3,000 pesawah enggan berbuat demikian.

"Hutang dengan Agrobank semakin bertambah, mana lagi pesawah mahu mendapatkan modal untuk menanam padi.

"Isu besar di Kelantan adalah musim kemarau yang teruk. Bagaimana padi mahu ditanam sekiranya keperluan utama iaitu air tidak dapat dibekalkan dengan baik.

"Jika pesawah mengambil keputusan menanam padi musim ini, ia diibaratkan menempah kerugian. Justeru, Kada perlu menyelesaikan masalah

air terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu media melaporkan 3,587 pesawah di Kelantan mengalami kerugian sebanyak RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu.

Pengerusi KADA, Muhammad Husain berkata, kerugian itu membabitkan keluasan hampir 8,900 hektar sawah di enam jajahan KADA.

Susulan itu katanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersetuju untuk melakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 hingga 23 Jun yang dijangka dibuat di Hulu Kelantan.

Mengulas lanjut katanya,

untuk satu musim baharu-baru ini saja mereka sudah berdepan kerugian puluhan juta akibat musim kemarau.

"Bayangkan pesawah sudah kerugian selama tiga musim berturut-turut. Perlu ada tindakan proaktif yang mampu menyelesaikan masalah pesawah.

"Pengumuman kerajaan berhubung bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim, memang kita sambut baik.

"Namun, situasi yang dihadapi pesawah di Kelantan adalah berbeza apabila punca utama penanaman padi tidak dapat disalurkan," katanya.



PESAWAH, Mohd Zaki Zakaria, 51, menunjukkan tanaman padi yang rosak akibat kemarau berpanjangan.

3,000 pesawah enggan tanam padi musim baharu

Tiga musim berturut-turut rugi akibat kemarau panjang di Kelantan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Lebih 3,000 pesawah di Kelantan tidak mahu menanam padi pada musim baharu yang bermula bulan ini, berikutan mengalami kerugian teruk dalam tempoh tiga musim berturut-turut.

Pesawah mengeluh kini dalam keadaan tersepit termasuk terbeban dengan hutang yang tidak dapat dibayar menyebabkan mereka tidak mahu mengambil risiko.

Mereka mendakwa, selagi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) tidak mampu menyelesaikan masalah air, mereka sanggup hilang pendapatan buat sementara.

Pengerusi Persatuan Pesawah Pesawah Kelantan, Zuha Ismail, berkata penanaman musim baharu sepatutnya bermula 1 Jun, namun lebih 3,000 pesawah enggan berbuat demikian.

"Hutang dengan Agrobank semakin bertambah, mana lagi pesawah mahu mendapatkan modal untuk menanam padi.

"Isu besar di Kelantan adalah musim kemarau yang teruk. Bagaimana padi mahu ditanam sekiranya keperluan utama, iaitu air tidak dapat dibekalkan dengan baik.

"Jika pesawah mengambil keputusan untuk menanam padi musim ini, ia diibaratkan menempah kerugian. Justeru, KADA perlu menyelesaikan masalah air



Pesawah, Mohd Zaki Zakaria menunjukkan padi yang rosak akibat kemarau berpanjangan di Kampung Bendang Melur, Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, media melaporkan, seramai 3,587 pesawah di Kelantan mengalami kerugian sebanyak RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu.

Laksana pembenihan awan

Pengerusi KADA, Muhammad Husain, dilaporkan berkata kerugian itu membabitkan keluasan hampir 8,900 hektar sawah di enam jajahan KADA.

Susulan itu, katanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersetuju untuk melakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 hingga 23 Jun yang dijangka dibuat di Hulu Kelantan.

Mengulas lanjut, katanya, untuk satu musim baru-baru ini sahaja mereka sudah berdepan kerugian puluhan juta akibat musim kemarau.

"Bayangkan pesawah sudah kerugian selama tiga musim ber-

turut-turut. Perlu ada tindakan proaktif yang mampu menyelesaikan masalah pesawah.

"Pengumuman kerajaan berhubung bantuan insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim, memang kita sambut baik.

"Namun, situasi yang dihadapi pesawah di Kelantan adalah berbeza apabila punca utama penanaman padi tidak dapat disalurkan," katanya.

MOSTI hasil dua lagi varieti padi baharu akhir 2026

Alor Setar: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menghasilkan dua lagi varieti padi baharu negara penghujung 2026 dengan menggunakan titisan dari termaju.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata usaha itu mampu meningkatkan nisbah kecukupan sendiri Malaysia, di samping secara signifikan meningkatkan taraf kehidupan pesawah selaras dasar sekuriti makanan negara.

Beliau berkata, projek itu dihasilkan menerusi projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan universiti terkemuka negara.

Katanya, universiti terlibat ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), selain Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia).

"Semuanya terlibat secara aktif dalam kajian pembangunan varieti padi baharu yang tahan kepada perubahan cuaca yang tidak menentu," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar Technology Preview and Showcase (TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear di Muzium Padi, di sini semalam.

Majlis disempurnakan Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin.

Aminuddin berkata, tahun ini, kementerian memberikan fokus kepada beberapa bidang keutamaan, termasuk pembangunan teknologi hidrogen, pengembangan bakat kecerdasan buatan (AI), pembangunan sektor bioteknologi, pemupukan ekosistem perniagaan baharu melalui inisiatif fitekap tunggal dan penerokaan teknologi angkasa lepas.

Katanya, dalam bidang berkaitan bioteknologi, khususnya dalam teknologi makanan dan perubatan tinggi, kementerian berazam memenuhi permintaan keterjaminan makanan negara menerusi penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan.

Selain itu, katanya, Nuklear Malaysia dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah melancarkan Galeri Padi Nuklear, di mana pengunjung Muzium Padi Kedah berpeluang mendapatkan maklumat dan peranan agensi itu dalam penghasilan variasi benih padi baharu, NMR 152.

MADA mohon laksana pembenihan awan

Alor Setar: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) membuat permohonan rasmi kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) bagi melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) untuk meningkatkan paras air di empangan selanjutnya.

MADA dalam kenyataannya berkata, pihaknya juga akan memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula dan mengoptimalkan penggunaan air dari aliran yang tidak terkawal bagi menjimatkan pelepasan air dari empangan.

"Kedudukan takungan semasa air di Empangan Muda sehingga kini berada pada paras penyusutan, iaitu sebanyak 26.06 peratus, tidak akan menjejaskan aktiviti penanaman padi dan kegunaan domestik di kawasan Muda.

"Orang ramai tidak perlu panik mengenai berita kedudukan paras air di Empangan Muda berada pada paras bahaya kerana penyusutan takungan air Empangan Muda ini masih berada di dalam keadaan normal dan mampu memenuhi keperluan pengaliran bagi menjayakan penanaman padi Musim 1/2024, termasuk permintaan keperluan domestik

dan industri di kawasan Muda," katanya.

Katanya, berdasarkan kepada status keseluruhan kedudukan semasa takungan air di ketiga-tiga buah empangan MADA adalah sebanyak 58.89 peratus, iaitu kapasiti takungan air di Empangan Pedu sebanyak 56.89 peratus, Empangan Muda 26.08 peratus dan Empangan Ahning sebanyak 85.16 peratus.

"Empangan MADA berfungsi sebagai kawasan takungan air bagi tujuan pengaliran penanaman padi dan kegunaan domestik khususnya di utara negeri Kedah dan selatan negeri Perlis.

"Pelepasan air bagi tujuan pengaliran penanaman padi dan bekalan air bagi kegunaan domestik adalah melalui Empangan Pedu dan Empangan Ahning sahaja.

"Manakala Empangan Muda berfungsi sebagai Kolam Takungan Pengimbang (Water Balancing Reservoir) di mana takungan air akan disalurkan ke Empangan Pedu melalui Terowong Saiong," katanya.

Pihak MADA tidak akan melepaskan air melalui Empangan Muda sekiranya mendapat permohonan oleh pihak kerajaan negeri Kedah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Alasan selaras subsidi naik harga ayam

Oleh ZAID MOHD. NOOR,
BADRUL HAFIZAN MAT ISA,
SAFINA RAMLI, LIYANA RAMLI
dan AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Para peniaga ayam menjadikan alasan pelarasan subsidi diesel sejak Isnin lalu untuk menaikkan harga bahan mentah itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati harga ayam di beberapa negeri naik antara 20 sen hingga 30 sen.

Di **Negeri Sembilan**, berlaku kenaikan harga ayam segar sebanyak 20 sen sejak hari pertama pelarasan subsidi diesel dilaksanakan pada 10 Jun lalu.

Bagaimanapun menurut seorang peniaga ayam di Pasar Ampangan, Alizan Tambi, 53, kenaikan tersebut bukanlah mendadak kerana harga yang diterimanya daripada pembekal naik sebanyak lima kali sepanjang sebulan lalu.

"Apabila diumumkan tentang pelarasan subsidi diesel pada 9 Jun lalu, keesokannya harga ayam diterima daripada pembekal juga naik sebanyak 20 sen iaitu kepada RM7.40 sekilogram berbanding RM7.20 sekilogram.

"Kita pun tahu apabila kawalan harga bagi ayam tamat tahun lalu, harga memang ada turun dan naiknya. Namun sejak sebulan lalu, harga ayam naik berturut-turut sebanyak lima kali.

"Harga yang kami jual iaitu RM10.90 sekilogram kepada pengguna juga masih boleh diterima iaitu dengan margin keuntungan yang memadai," katanya.

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar raya di Sikamat dan Senawang mendapati harga ayam segar dijual antara RM8.19 hingga RM8.90 sekilogram.

Di **Perak**, harga jualan ayam segar mencatat kenaikan di beberapa tempat.

Seorang peniaga di Pasar Awam Teluk Intan, Yusri Sanusi, 36,



PARA peniaga ayam dikatakan menjadikan alasan pelarasan subsidi diesel untuk menaikkan harga ayam.

berkata, jualan ayam segar naik 20 sen daripada RM10.80 kepada RM11 sekilogram.

"Pembekal memberi alasan kenaikan harga disebabkan kos pengangkutan meningkat disebabkan kenaikan harga diesel," katanya.

Sementara itu, di Pasar Batu Gajah, peniaga berkata, harga jualan ayam segar naik 20 sen sebelum pelarasan subsidi diesel dilaksanakan.

Peniaga, Muhammad Taufiq Meor Saradi, 27, harga ayam segar daripada pembekal kepada peruncit RM7.80 sekilogram manakala harga jualan RM12.

"Harga tersebut naik 20 sen iaitu dari RM7.60 kepada RM7.80 pada 9 Jun sehari sebelum harga pelarasan subsidi diesel dilaksanakan.

"Semalam memang ada dengar harga ayam segar akan naik 30 sen sekilogram tetapi setakat hari ini tak naik lagi.

"Risau juga takut pembeli terkejut tengok harga naik dan orang tak beli ayam, akhirnya mereka beli

ayam sejuk beku," katanya.

Di **Terengganu**, pengguna merungut dan melahirkan kebimbangan harga ayam segar akan terus meningkat menjelang Hari Raya Aidiladha, Isnin ini.

Seorang pengguna, Azizul Mat, 43, berkata, harga ayam segar kini dijual RM10.50 sekilogram iaitu kenaikan 30 sen berbanding lebih dua minggu lalu berharga RM10.20 sekilogram.

Menurutnya, pihak berkuasa sepatutnya memastikan tidak berlaku kenaikan harga ayam segar di pasaran terutamanya selepas pelarasan subsidi bahan api tersebut.

"Saya terkejut apabila harga ayam segar naik pada hari pertama pelarasan subsidi diesel lagi sedangkan kerajaan sebelum ini memberi jaminan tidak berlaku kenaikan harga barangan keperluan yang membebaskan pengguna," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga di sini, semalam.

Di **Pulau Pinang**, pengguna di

negeri ini mungkin terpaksa membeli ayam dengan harga tinggi yang dikaitkan dengan kenaikan harga diesel bermula Isnin lalu.

Seorang peniaga ayam, Mohd. Nasir Abdul Kalam berkata, sebelum kenaikan harga diesel lagi mereka terpaksa mendapatkan ayam pada harga agak tinggi.

"Sekarang pun harga ayam tinggi, kebanyakan peniaga memperoleh ayam dengan harga RM9.20 sekilogram dan menjual ayam pada harga antara RM11 hingga RM12 sekilogram.

"Kami tidak pasti bila harga berkenaan akan dapat bertahan selepas kenaikan harga diesel ini," katanya di sini.

Menurutnya, sebelum ini harga ayam dikawal dan peniaga boleh mendapat bekalan ayam pada harga RM8.70 sekilogram.

Dalam pada itu, katanya, bekalan ayam untuk musim perayaan Hari Raya Aidiladha dijangka mencukupi dan pengguna tidak perlu bimbang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2024	SINAR HARIAN	BACHOK	24



Projek GEPA mengeluarkan lebih 1,000 buah harumanis musim ini.

Jualan harumanis jana pendapatan pondok YIK

Rasa harumanis menyamai seperti ditanam di Perlis

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN BACHOK

dea Pondok Moden Kandis, Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengusahakan tanaman mangga harumanis bagi menjana pendapatan ternyata membuahkan hasil.

Projek di bawah Gerakan Pertanian Al-Falah (GEPA) menerusi 200 batang pokok harumanis mengeluarkan lebih 1,000 buah musim ini.

Guru Sains, Alazmi Hassan berkata, ini merupakan kali kedua tanaman itu berbuah sejak diusahakan pada 2019.

"Tahun lalu kali pertama mangga ini berbuah, namun hanya 100 biji sahaja.

"Kali ini rezeki



Alazmi (kiri) menunjukkan isi harumanis yang sudah masak ranum.

kami apabila pokok berbuah lebat dan berat sebiji harumanis ada mencecah sehingga 700 gram," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Alazmi, pihaknya menjual pada harga RM100 bagi empat ki-

logram harumanis gred A dan RM100 untuk lima kilogram gred B.

Ujarnya, setakat ini pasaran hanya di sekitar negeri sahaja dan dijual sejak Ahad lalu.

Tambahnya, rasa harumanis ditanam sama seperti di Perlis.

"Alhamdulillah rezeki pelajar pon-

dok di sini kerana selain tenaga pengajar, mereka juga terlibat sama dalam menjaga tanaman ini.

"Kami juga mendapat bimbingan pihak jabatan pertanian negeri dan Perlis," katanya.

Sementara itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memberitahu, tanaman tersebut merupakan salah satu Projek GEPA bagi menjana ekonomi pelajar yang ada di pondok.

Ujarnya, benih pokok mempelam merupakan sejenis kultivar yang mempunyai ciri-ciri seakan harumanis yang sinonim seperti di Perlis.

"Melihat kepada kesesuaian tanah dan potensi tanaman ini, tidak mustahil satu hari nanti Bachok menjadi zon mempelam terbesar di negeri ini," katanya.

